

Maklumat Pemohon Program BR1M Tidak Digunakan Untuk Urusan Cukai - LHDN Bernama
4 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hari ini menegaskan maklumat pemohon program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tidak digunakan bagi tujuan percukaian.

Pegawai Perhubungan Awam LHDN Masrun Maslim dalam kenyataan menjelaskan semua maklumat pemohon akan direkodkan dalam pangkalan sistem BR1M bagi tujuan verifikasi untuk memastikan hanya mereka yang layak menerima bantuan RM500 melalui program itu.

Mengulas satu aduan melalui Persatuan Konsumer Klang yang dilaporkan akhbar berbahasa Tamil semalam, beliau berkata LHDN menafikan maklumat pemohon itu diguna bagi menuntut amaun cukai tertunggaknya.

"Aktiviti pungutan tunggakan cukai pendapatan merupakan aktiviti berterusan yang dijalankan LHDN, dan ia tiada kaitan dengan maklumat yang dikemukakan pengadu dalam borang BR1M yang dihantar.

"Notis yang beliau terima hanyalah notis tuntutan biasa yang turut dihantar kepada pembayar cukai yang masih mempunyai baki cukai tertunggak," katanya. Masrun berkata LHDN tidak dapat melakukan siasatan lanjut kerana pengadu tidak memberikan maklumat terperinci.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=637997>